

- 1. JAWATAN 10 : PEMBANTU OPERASI**
Kod Skim : 3LN36
Jabatan : Pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri Terengganu
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

2. JADUAL GAJI : Gred N11

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,216.00	RM2,983.00	RM80.00

3. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00); atau
- (ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [Kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15).

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.